



### **Terkini: Banjir di Sarawak pulih, semua PPS ditutup**

Oleh Mohd Roji Kawi - September 26, 2023 @ 10:35am  
mdroji@bh.com.my

KUCHING: Situasi banjir di utara Sarawak kini reda dengan pusat pemindahan sementara (PPS) di Dewan Serbaguna Buluh Balui, Limbang, ditutup pada jam 9 pagi tadi.

PPS itu dibuka sejak jam 2.30 petang Jumaat lalu menempatkan mangsa banjir dari Kampung Buluh Balui, Kampung Runggu, Kampung Batu Danau dan Kampung Pandak.

Sebelum penutupan PPS itu hari ini, lapan penduduk daripada tiga keluarga dari Kampung Batu Danau dan Kampung Pandak menjadi kumpulan terakhir mangsa yang dipindahkan.

Sebelum ini, sebuah lagi PPS iaitu di Dewan Masyarakat Mendamit ditutup jam 12 tengah hari Ahad lalu.

PPS berkenaan dibuka pada jam 4.30 petang 20 September lalu dengan jumlah mangsa banjir yang ditempatkan seramai 199 orang.

Jurucakap Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak, berkata pemantauan terus dijalankan pihaknya terutama penempatan penduduk di kawasan rendah berdekatan tebing sungai.

Ia berikutan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) akan berlaku ribut petir di beberapa kawasan di pedalaman Sarawak pada pagi dan petang ini.

Pada sebelah malam pula, hujan lebat diramal berlaku di satu dua kawasan di pedalaman.